

Keistimewaan Sistem Kewangan Islam

TERDAPAT perbezaan yang jelas antara sistem perbankan Islam dan konvensional yang berpaksikan sistem faedah yang merupakan hasil atau lebih daripada jumlah pinjaman atau hutang yang diberikan oleh pihak bank. Ia diharamkan dalam Islam.

Kontrak syariah yang diguna pakai dalam setiap produk perbankan Islam adalah berbeza dengan produk perbankan konvensional. Perbezaan jelas terdapat dalam operasi yang melibatkan kontrak yang dimeterai antara pihak bank dan pelanggan sungguhpun operasi perbankan secara umumnya adalah sama seperti dalam aspek pengurusan modal, risiko dan sebagainya.

Dalam konteks keuntungan, perbankan Islam memperoleh keuntungan dengan cara yang tidak bercanggah dengan Islam. Keuntungan terhasil daripada kontrak jual beli, perkongsian untung rugi (pelaburan) dan beberapa kontrak lain yang diiktiraf oleh syariah.

Contohnya, produk deposit, perbankan Islam menstruktur produk tersebut dengan menggunakan kontrak Wadi'ah Yad Dhamanah iaitu simpanan dengan jaminan. Ia berbeza dengan produk akaun simpanan di bank konvensional apabila setiap pemegang akaun dijanjikan pulangan tertentu untuk simpanan yang dibuat. Ini mengakibatkan berlakunya riba kerana pihak bank telah meminjam duit yang disimpan pelanggan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaannya.

Kontrak syariah

Sementara itu, kontrak pembiayaan pula, perbankan Islam menstruktur produk tersebut dengan menggunakan pelbagai kontrak syariah seperti Murabahah, Musyarakah, Ijarah, Istisna dan sebagainya. Ia berbeza dengan perbankan konvensional yang berteraskan konsep menerima hutang hasil pinjaman wang daripada bank berserta keuntungan yang berdasarkan kadar faedah atau riba.

Contoh lain, dalam kontrak pelaburan, perbankan Islam menggunakan kontrak seperti Mudarabah (perkongsian keuntungan) atau Musyarakah (perkongsian untung rugi), yang bertepatan dengan kaedah fiqah yang bermaksud 'setiap pulangan adalah dengan risiko'. Dana yang terkumpul boleh dilaburkan oleh pihak bank ke dalam aktiviti-aktiviti perniagaan lain seperti pembiayaan rumah, kenderaan dan peralatan mengikut undang-undang syariah sebagai usaha mendapatkan keuntungan.

Urusan perbankan ada kaitan dengan soal halal dan haram. Melalui perbankan Islam, urusan perbankan seorang Muslim itu tidak hanya sekadar mendapat manfaat di dunia tetapi juga di akhirat. Dengan melanggan produk yang telah disahkan patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah di peringkat bank dan di peringkat Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, segala produk dan perkhidmatan yang ditawarkan mampu membantu para pelanggan dalam transaksi harian mereka.

Golongan bukan Islam juga mendapat manfaat yang lebih dalam urusan kewangan mereka. Nilai pulangan untuk wang dan pengurusan risiko dalam perbankan Islam merupakan antara faktor utama mengapa ramai pelanggan bukan Islam memilih perbankan Islam.

Manfaat

Antara kajian yang pernah dilakukan ke atas pelanggan daripada golongan bukan Islam yang melanggan produk dan perkhidmatan perbankan Islam, terdapat tiga manfaat utama yang menyebabkan mereka memilih perbankan Islam. Antaranya, perkhidmatan yang cemerlang, kecenderungan mencuba produk baharu dan pulangan yang menguntungkan.

Produk pembiayaan lebih menjadi pilihan pelanggan bukan Islam kerana manfaat dalam bentuk material daripada skim yang ditawarkan dan hal ini berkait rapat dengan galakan pihak kerajaan dalam mempromosi pembiayaan kewangan Islam dengan memberikan insentif seperti pengecualian duti setem 20 peratus ke atas surat cara pembiayaan kewangan Islam.

Antara perkara penting yang menarik para pelanggan lain ialah unsur kepastian dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam menghadapi kadar faedah yang tidak menentu.

Contohnya, jika perbankan konvensional, walaupun kadar pinjaman rendah, pelanggan tidak dapat mengelak daripada risiko kenaikan kadar pinjaman asas (BLR) seperti tahun 1998 apabila kenaikan itu mencecah antara 14 hingga 15 peratus setahun.

Sejak tahun 1993, pergerakan BLR sentiasa berubah dari tahun ke tahun, sementara kadar pinjaman yang dikenakan ini tidak termasuk margin tambahan yang biasanya dikenakan bagi pinjaman perbankan konvensional.

Namun, perbankan Islam, kewujudan harga jualan pada awal kontrak sedikit sebanyak memberi kepastian kepada para pelanggan tentang jumlah ansuran dan pembayaran yang akan dibuat sepanjang kontrak.

Malah, pelanggan juga 'boleh menikmati 'ibra' (rebat) ke atas harga jualan sekiranya pembiayaan itu diselesaikan lebih awal daripada jadual pembayaran balik tanpa dikenakan sebarang penalti.

Artikel

Penuh: http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0313&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_02.htm#ixzz3OZVTKrwc

Hakcipta terpelihara